



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berteraskan konsep Malaysia Madani bagi semua Kementerian dan Jabatan membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2023.

Belanjawan 2023 merupakan langkah pertama dalam menzahirkan kerangka Madani sebagai visi ampuh untuk membawa perubahan bagi membangun semula Malaysia. Selaras dengan tema “Membangun Malaysia Madani”, Belanjawan 2023 dirancang dan digubal berdasarkan enam buah rukun iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan.

Belanjawan 2023 berhasrat untuk memperkasa ekonomi yang menyokong pertumbuhan, melaksana reformasi institusi dan tatakelola baik untuk meraih semula keyakinan, serta menjamin kesejahteraan rakyat berlandaskan prinsip keadilan sosial. Kerajaan Perpaduan komited untuk memberi tumpuan dalam menaik taraf sosioekonomi rakyat dengan memastikan tiada golongan yang tercicir.

Bagi memastikan proses penyediaan belanjawan tahunan lebih inklusif, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengadakan majlis dialog untuk membincangkan isu dan mendapatkan cadangan serta input penting. MOF juga mengadakan pelbagai sesi libat urus termasuk jelajah ke negeri-negeri untuk menghimpunkan pandangan daripada pelbagai pihak termasuklah penjawat awam, Kerajaan Negeri, pemain industri, ahli akademik, teknokrat dan orang awam. Portal Cadangan Belanjawan 2023 juga disediakan sebagai salah satu usaha Kerajaan dalam menjadikan proses penyediaan belanjawan tahunan lebih telus dan terbuka dengan penglibatan daripada semua lapisan rakyat.

Antara cadangan yang diambil kira termasuklah berkaitan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, penyelenggaraan, pembasmian kemiskinan, kelangsungan hidup golongan rentan, keterjaminan makanan serta pengupayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Cadangan-cadangan ini telah diperhalusi dan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Belanjawan 2023.

Dalam membangunkan sebuah negara bangsa, semua pihak perlu mengambil bahagian dan berani menjadi agen perubahan tanpa meminggirkan nilai kemanusiaan. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam merealisasikan konsep Madani demi mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini telah menggariskan hala tuju yang jelas untuk kementerian dan agensi melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2023.



ANWAR IBRAHIM
24 Februari 2023